



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/97 Jld. 2 (2)  
Tarikh : 2 April 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR  
(PERKERANIAN/OPERASI) GRED N22 PERKHIDMATAN GUNASAMA  
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 **Disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 **pada 30.06.2007 dan sebelum;**
- 2.3 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan PT(P/O) Gred N19 berubah ke tarikh 1 Julai 2007 dan seterusnya;**
- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) **tidak kurang 80%;**
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C** dan **Lampiran D** seperti yang disertakan. Manakala bagi Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang akan genap 13 tahun perkhidmatan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh iklan dikeluarkan **TIDAK DIGALAKKAN** untuk memohon.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 2 Mei 2019** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan bahawa, adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini** (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**. Bagi memudahkan urusan ini, carta alir urusan permohonan pemangkuan turut disertakan sebagai panduan.